

**MIGRASI DAN PERBURUHAN DALAM SEKTOR
PERLADANGAN DI KAWASAN LABUK, DAERAH
BELURAN.**

MOHD SAFWAN BIN MOHD HAJAR

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI) DENGAN
KEPUJIAN**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

183207

4000017023



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Migrasi dan pertumbuhan dlm Sektor perladangan
dikawasan Labuk, daerah Beluran.

IJAZAH: SERTANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA Mohd SARWAN BIN MOHD HAJAR
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

^mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutisi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Mohd Sarwan

(TANDATANGAN PENULIS)

Ali Akbar

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

EN. ALI AKBAR

Nama Penyelia

Tarikh: 12 Mei 09.

Tarikh: 15/5/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017023

Sekolah Sains Sosial Universiti
Malaysia Sabah




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu telah saya nyatakan sumbernya.

Oleh,



Tarikh : 12 Mei 2009

Nama: Mohd Safwan Bin Mohd Hajar

Nombor Matrik: HA2006-5181



PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

Saya mengesahkan bahawa Latihan Ilmiah bertajuk "Migrasi dan Perburuhan Dalam Sektor Perladangan di Kawasan Labuk, Daerah Beluran" ini telah dihasilkan oleh pelajar ini bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan Oleh:



.....

Tarikh : 15/5/09
.....

Nama : Encik Aliakbar bin Gulasan

Penyelia Latihan Ilmiah

Universiti Malaysia Sabah

Sekolah Sains Sosial

PENGHARGAAN

Puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izinnya kajian ini dapat disiapkan. Selawat serta salam keatas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Ribuan terima kasih diucapkan khas kepada ibu dan ahli keluarga saya yang banyak membantu dengan memberikan sokongan yang tidak putus-putus untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada penyelia latihan ilmiah saya iaitu en. Aliakbar bin Gulasan yang telah banyak member bimbingan dan tunjuk ajar untuk menghasilkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada en. Sipirit bin Tekeng, pengurus Cepat Wawasan sdn bhd yang banyak membantu dan sesiapa yang terlibat dalam sesi soal selidik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada saudari Haizirah bt. Md Hairi yang banyak membantu dalam menghasilkan kajian ini dengan idea dan pandangan yang bernas. Tidak dilupakan kepada saudara Sharif Rahmat b. Sharif Yunus yang banyak membantu saya di lapangan dan kepada rakan-rakan saya yang banyak member bantuan dan motivasi kepada saya, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih yang tidak terhingga dan jasa kalian tidak akan dilupakan.



ABSTRAK

Migrasi pekerja asing ke negara ini telah berlaku sejak berkurun lamanya. Keadaan negara yang pesat membangun dekad kebelakangan ini telah membuatkan jumlah migran dari negara luar semakin bertambah saban tahun. Dalam kajian ini, penulis cuba untuk melihat apakah faktor utama mengakibatkan pekerja-pekerja asing memasuki negara ini, selain itu penulis juga ingin melihat apakah bentuk dan struktur pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja asing ini dalam sektor perladangan dan penulis juga ingin melihat tahap sosioekonomi pekerja asing di kawasan kajian. Metodologi yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah borang soal selidik dan analisis hasil dapatan melalui perisian Microsoft Excel dan di persembahkan melalui jadual dan carta pai. Dapat dirumuskan kajian ini telah mencapai objektif yang telah di gariskan pada awalnya kerana hasil dapatan adalah bersesuaian dengan objektif kajian.



ABSTRACT

MIGRATION AND LABOUR IN PLANTATION SECTOR AT LABUK , BELURAN DISTRICT

Migration of foreign workers into this country happened for decades. Huge economic development of Malaysia for the past decades conclude numbers of foreign workers increased. The main objective in this study is what factor push them to migrate, apprehend their working structure and apprehend their socioeconomic stage. The main method that being used to get raw data for this study is by using the survey form and analyzing method that being used to analyzed data is Microsoft excel. Overall, this study achieved the main objective that been aim in the early of this study.



ISI KANDUNGAN SURAT	MUKA
MUKA DEPAN	I
PENGAKUAN PELAJAR	II
PENGESAHAN PENYELIA	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VI
ISI KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	XI
SENARAI RAJAH	XII

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Kawasan Kajian	3
1.3	Kerangka Kajian	5
1.4	Definisi dan Konsep	7
1.4.1	Migrasi	7
1.4.1.1	Faktor-Faktor	9
1.4.1.2	Ekonomi	9
1.4.1.3	Ekonomi yang rendah di negara sendiri	10
1.4.1.4	Sosiobudaya	11
1.4.1.5	Kestabilan politik	13
1.4.1.6	Lain-lain	14
1.5	Objektif Kajian	15



1.6	Skop Kajian	15
1.7	Rasional Kajian	16
1.8	Kesimpulan	17

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Dasar Pekerja Asing di Malaysia	21
2.3	Kajian Peringkat Antarabangsa	24
2.4	Kajian Peringkat Malaysia dan Sabah	26
2.5	Kesimpulan	32

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Metodologi Kajian	36
3.3	Metod Pengumpulan Data	37
3.4	Data Primer	37
3.5	Data Sekunder	40
3.6	Instrumen Kajian	41
3.7	Analisis Data	43
3.8	Kesimpulan	43



BAB 4 : HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	44
4.2	Hasil Kajian	45
4.2.1	Faktor ke negara ini	45
4.2.2	Negara asal dan Bandar/daerah	47
4.2.3	Umur, status perkahwinan dan taraf pendidikan	50
4.2.4	Tempoh berada di negara ini	53
4.2.5	Keadaan negara asal	55
4.3	Bentuk dan Struktur Pekerjaan	57
4.3.1	Tempoh bekerja dalam sektor ini	59
4.4	Tahap Sosioekonomi	60
4.4.1	Jumlah tanggungan	62
4.4.2	Jenis rumah	66
4.4.3	Pemilikan harta	67
4.5	Kesimpulan	68

BAB 5 : KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	69
5.2	Rumusan Bab	69
5.3	Implikasi	72
5.3	Cabaran dan Cadangan	74
5.4	Kesimpulan	75



5.4	Kesimpulan	75
	Bibliografi	77
	Lampiran	79



**SENARAI JADUAL
SURAT**

MUKA

Jadual 2.1	Anggaran jumlah migran yang bekerja di luar negara	24
Jadual 4.1	Umur	49
Jadual 4.2	Status perkahwinan	49
Jadual 4.3	Tahap pendidikan	51
Jadual 4.4	Tempoh berada di negara ini	52
Jadual 4.5	Tempoh bekerja dalam sektor ini	58
Jadual 4.6	Jumlah tanggungan	61



SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 1.1	Peta daerah Beluran	4
Rajah 3.1	Metodologi kajian	35
Rajah 4.1	Faktor ke negara ini	44
Rajah 4.2	Negara asal dan Bandar/daerah asal	47
Rajah 4.3	Jantina	49
Rajah 4.4	Keadaan negara asal	54
Rajah 4.5	Bentuk dan struktur pekerjaan	56
Rajah 4.6	Pendapatan responden	59
Rajah 4.7	Belanja gaji bulanan	62
Rajah 4.8	Responden yang menyimpan wang dan tempat simpanan	64
Rajah 4.9	Jenis rumah	65
Rajah 4.9.1	Pemilikan harta	66



BAB 1

1.1 PENGENALAN

Migrasi ke negara Malaysia telah berlaku sejak berkurun-kurun lamanya iaitu dari zaman pra-merdeka lagi. Sejarah menunjukkan migrasi telah terjadi dengan menyaksikan kedatangan pedagang-pedagang asing dari negara Arab, China dan India serta negara-negara yang lain dimana, pedagang-pedagang ini akhirnya tinggal secara tetap di Malaysia. Jika dilihat dari konteks migrasi pascamerdeka pula, khususnya dalam dekad akhir 1980-an dan awal 1990-an menyaksikan pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan, keadaan ini telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor dalam negara. Faktor ini mendorong ramai warganegara asing memasuki negara sama ada secara sah atau sebaliknya untuk mencari dan merebut peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor tertentu di Malaysia (Ahi Sarok 2004).

Negara-negara di Asia Tenggara merupakan antara yang banyak melakukan kegiatan migrasi ke negara ini sama ada secara sah ataupun tidak sah memandangkan kedudukan negara Malaysia yang terletak di tengah-tengah Asia Tenggara menjadikan negara ini sering menjadi tumpuan para pendatang untuk berhijrah. Antara negara di Asia Tenggara yang banyak melakukan aktiviti migrasi ini adalah negara Indonesia yang mencatatkan jumlah penduduk yang ramai bermigrasi ke negara ini diikuti oleh Filipina, Thailand, India, Bangladesh dan lain-lain negara lagi. Negeri di Malaysia yang menjadi tumpuan di kalangan

pendatang asing adalah negeri Sabah kerana Sabah merupakan negeri yang hampir dengan Indonesia dan Filipina.

Banyak faktor yang menyebabkan migrasi ini berlaku. Namun, faktor utama yang mendorong kepada berlakunya migrasi ini adalah kerana faktor ekonomi, tidak kiralah faktor ekonomi bagi individu yang melakukan migrasi tersebut ataupun faktor ekonomi sesebuah negara yang dituju. Menurut Wickramesekra (2002) globalisasi sesebuah negara telah meningkatkan kemajuan ekonomi seterusnya mendorong masyarakat dari negara miskin untuk bekerja di negara asing. Hal ini membuktikan bahawa faktor ekonomi merupakan pendorong utama berlakunya migrasi ke negara ini berikutan pergolakan ekonomi yang berlaku di negara-negara miskin seperti Indonesia.

Kebanyakan pendatang asing yang datang sanggup untuk bekerja di dalam sektor perburuhan seperti perladangan dan pembinaan menyebabkan kedatangan mereka ke negara ini diperlukan kerana tidak ramai tenaga tempatan yang ingin bekerja dalam sektor ini kerana lebih berminat untuk bekerja di bandar. Oleh sebab itu, saban tahun jumlah pendatang asing ini semakin bertambah sama ada yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah ataupun pendatang asing tanpa izin (PATI). Untuk rekod, Malaysia dianggarkan menjadi destinasi bagi 1.8 juta pekerja asing, dengan kebanyakan mereka datangnya dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina. Hanya 500,000 daripada mereka dikatakan mempunyai dokumen perjalanan yang sah, malah terdapat beberapa sumber yang mengatakan bahawa jumlah itu mungkin lebih tinggi lagi



terutamanya di negeri Sabah. Selain itu, Tenaganita, iaitu sebuah badan bukan kerajaan yang bertujuan untuk menangani isu-isu pekerja migran ini pernah mengatakan bahawa terdapat lebih kurang 3 juta pekerja sah dan tidak sah di Malaysia, iaitu lebih kurang 10 peratus daripada jumlah penduduk.

Sememangnya negara ini telah dibanjiri oleh pendatang-pendatang asing yang secara tidak langsungnya khidmat mereka sememangnya diperlukan bagi menggerakkan sektor terpenting negara ini seperti perladangan dan pembinaan.


1.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Daerah Beluran terletak di Timur Laut negeri Sabah dan berkongsi sempadan dengan Sandakan, Kinabatangan, Ranau, Pitas, Kota Marudu dan negara Filipina. Luas kawasan daerah ini adalah 7,717 kilometer persegi atau 2979 batu persegi atau 841895.7 hektar atau 2,062,091 ekar dan kedua terbesar di negeri Sabah selepas daerah Tongod. Daerah ini pada mulanya dinamakan Daerah Labuk Sugut "BULUDAN", yang bererti bukit dalam bahasa Dusun Labuk, Sungai dan Tidong yang merujuk kepada bukit yang merupakan 'Land Mark' pekan ini. Pertukaran nama terjadi akibat daripada salah sebutan dan ejaan dalam surat menyurat oleh warga Inggeris yang tidak fasih menyebut perkataan di dalam bahasa tempatan menyebabkan BULUDAN bertukar kepada BELURAN dan kekal sehingga kini.

Daerah ini sebahagian besarnya terdiri daripada tanah rata yang sesuai untuk pertanian, sebahagiannya tanah landai dan berbukit-bukau sementara di kawasan pantai merupakan hutan bakau. Rangkaian jalan raya juga telah dinaiktaraf daripada jalan batu kepada jalan aspal. Selain itu terdapat beberapa batang sungai yang merupakan nadi perhubungan serta banyak mempengaruhi sistem penempatan penduduk seperti Sungai Labuk, Sungai Sapi, Sungai Tongod, Sungai Lingkabau, Sungai Paitan dan Sungai Tangkarason.

Mengikut banci penduduk dan perumahan yang dilakukan pada tahun 2000, daerah Beluran mencatatkan jumlah penduduk seramai 75,586 orang penduduk. Suku kaum yang terdapat di daerah ini adalah terdiri daripada Dusun-Kadazan, Sungai, Tidong, Bajau, Suluk, Rungus, Berunai, Dumpas, Cina dan lain-lain. Terdapat 11 buah mukim dan 131 buah kampung di daerah ini. Kawasan Labuk Beluran mempunyai 4 buah mukim dan 46 buah kampung, mamakala kawasan Telupid mempunyai 2 buah mukim dan 16 buah kampung dan kawasan Sugut pula mempunyai 5 buah mukim dan 69 buah kampung. Pertanian adalah sumber utama penduduk di daerah ini di samping perikanan. Tanaman utama adalah kelapa sawit, tanaman lain adalah getah, koko, rotan, buah-buahan, padi dan sebagainya. Mengikut rekod Jabatan Pertanian Beluran, daerah ini mempunyai lebih kurang 188 buah estet dengan keluasan 160,386.11 hektar.





Rajah1.1: Peta Daerah Beluran

1.3 KERANGKA KAJIAN

Langkah pertama yang diambil di dalam kajian ini adalah mengenalpasti fokus kajian. Fokus kajian ini adalah menyentuh tentang migrasi pendatang asing tanpa izin ke Malaysia yang bekerja dalam sektor perladangan. Fokus kajian yang ditekankan adalah tentang faktor-faktor penarik dan penolak yang ada. Selain itu, fokus kajian juga turut membincangkan tentang struktur-struktur pekerjaan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja asing tersebut dalam sektor perladangan dan melihat tahap sosioekonomi pekerja-pekerja asing di kawasan kajian. Setelah fokus-fokus kajian dikenalpasti dan ditetapkan, beberapa pendekatan metodologi kajian akan digunakan.

Metodologi kajian utama yang digunakan adalah terdiri daripada sumber data primer dan juga sumber data sekunder. Dalam pengumpulan sumber data

primer, sumber utama yang digunakan adalah borang soal selidik, kerana melalui cara ini maklumat yang diperolehi adalah tepat kerana responden diberikan soalan-soalan yang berkaitan dengan fokus kajian untuk dijawab. Menurut Syed Arabi Idid (1998) soal selidik mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur untuk dijawab oleh responden. Ia merupakan satu alat penting bagi pengkaji kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan penyelidikan secara keseluruhannya.

Selain itu, cara yang digunakan juga adalah tinjauan ke kawasan kajian, kaedah temubual dan juga teknik visual. Tinjauan ke kawasan kajian dilakukan untuk menyelami sendiri keadaan sebenar di lokasi kajian agar pengkaji dapat merasa sendiri bagaimana keadaan di kawasan kajian. Kaedah temubual pula adalah dengan menemubual responden-responden yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tentang kajian yang dilakukan. Responden yang akan ditemuramah adalah terdiri daripada penduduk tempatan, pekerja-pekerja asing yang bekerja dalam sektor perladangan itu sendiri, pegawai daerah Beluran, pegawai Jabatan Pertanian daerah Beluran dan juga responden-responden yang dirasakan perlu oleh pengkaji. Kaedah teknik visual pula adalah kaedah yang dilakukan dengan mengambil foto kawasan kajian agar kajian yang dilakukan dapat difahami dengan mudah dan juga akan membantu di dalam keberkesanan kajian ini.

Pengumpulan data sekunder pula adalah terdiri daripada bahan-bahan perpustakaan. Bahan-bahan perpustakaan adalah bahan atau maklumat seperti

buku-buku rujukan, jurnal-jurnal, majalah dan keratan-keratan akhbar yang diperolehi daripada perpustakaan UMS, dan perpustakaan Negeri Sabah. Kaedah rujukan pustaka pula melibatkan pengambilan data dari jabatan-jabatan kerajaan untuk mengukuhkan data dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kajian. Data-data seperti peta topografi kedudukan khusus bagi daerah Beluran juga diperlukan di samping maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan kajian. Antara jabatan-jabatan kerajaan yang dirujuk adalah seperti Pejabat daerah Beluran, Jabatan Pertanian Beluran dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dengan kajian ini. Kaedah rujukan internet juga akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini kerana rujukan melalui internet juga banyak maklumat yang berguna untuk digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.4 DEFINISI DAN KONSEP

1.4.1 MIGRASI

Migrasi merupakan satu proses demografi yang melibatkan perpindahan penduduk daripada satu kawasan kepada kawasan yang lain. Ia merupakan suatu proses pergerakan penduduk yang amat sensitif terhadap perkembangan sosioekonomi sesuatu kawasan.

Konsep migrasi merujuk kepada suatu bentuk mobiliti ruang yang berlaku di antara satu unit kawasan yang melibatkan perubahan tempat tinggal, iaitu

tempat tinggal asal atau tempat bertolak, tempat yang ditujui atau tempat yang baru. Selain itu migrasi penduduk merujuk kepada suatu gerak balas organisma manusia yang berpunca daripada tekanan sosioekonomi serta politik alam sekitar.

Migrasi dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa. Migrasi dalaman terdiri daripada migrasi luar bandar ke bandar, migrasi bandar ke luar bandar, migrasi bandar ke bandar, migrasi luar bandar ke luar bandar dan juga transmigrasi. Migrasi antarabangsa pula adalah migrasi yang melepasi sempadan politik atau sempadan antarabangsa atau lebih mudah lagi bermigrasi ke negara luar. Migrasi dapat diukur melalui dua kaedah iaitu kaedah pengukuran langsung dan kaedah pengukuran tidak langsung. Kaedah pengukuran langsung merujuk kepada tempat lahir, tempoh tinggal, tempat tinggal yang terakhir, dan tempat tinggal yang terdahulu. Kaedah pengukuran tidak langsung pula adalah melalui kaedah perangkaan penting dan kaedah nisbah hidup.

Terdapat dua faktor yang menyebabkan migrasi ini berlaku iaitu faktor tolakan dan faktor tarikan. Faktor tolakan merupakan penyebab yang menyebabkan seseorang untuk meninggalkan tempat asalnya seperti keadaan politik negara asal yang tidak stabil, keadaan ekonomi contohnya kehilangan peluang pekerjaan, wabak penyakit, ancaman alam sekitar, dan aspek sosial serta aspek-aspek lain yang difikirkan rasional untuk melakukan migrasi.



Faktor tarikan pula bermaksud sebab-sebab yang mempengaruhi migran untuk bermigrasi ke sesuatu kawasan tersebut. Faktor tarikan ini dapat dilihat melalui kawasan ataupun negara yang dituju oleh migran seperti keadaan politik negara dituju, keadaan ekonomi contohnya peluang pekerjaan, dari aspek sosial yang lain iaitu dasar kerajaan, agama, kemudahan pendidikan, pelancongan dan sebagainya.

Namun, sebab utama yang mempengaruhi seseorang individu ataupun sekelompok masyarakat untuk melakukan migrasi adalah kerana faktor ekonomi. Kemiskinan tempat/negara asal, peluang pekerjaan yang terhad dan gaji yang tidak memuaskan telah menyebabkan migrasi ini berlaku, hal ini didorong lagi dengan kos sara hidup yang amat tinggi pada zaman ini menyebabkan migran tersebut terdesak dan terdorong untuk bermigrasi ke tempat/negara yang stabil dari segi ekonomi dan menawarkan peluang pekerjaan yang banyak.

1.4.1.1 FAKTOR-FAKTOR

1.4.1.2 EKONOMI

Faktor ekonomi merupakan faktor utama yang meyumbang kepada berlakunya proses migrasi ini. Kedudukan ekonomi yang mantap dan kukuh menyebabkan wujudnya banyak sektor-sektor pertanian, pembinaan dan perkilangan, sekaligus membuka peluang kepada rakyat sesebuah negara termasuk juga golongan pendatang yang datang khususnya untuk mencari rezeki di negara orang.

Peluang pekerjaan juga wujud bagaikan "cendawan selepas hujan" disebabkan ramai rakyat tempatan tidak berminat lagi berkecimpung di dalam sektor perladangan dan pembinaan, maka kedatangan migran dari Indonesia, Bangladesh dan lain-lain negara, in seolah-olah satu rahmat kepada para pengusaha sektor tersebut.

Kedatangan migran ini terbatas kerana kesukaran untuk masuk secara sah ke dalam sesebuah negara. Kita ambil contoh negara kita Malaysia, walaupun berbagai kawalan ketat telah dijalankan namun sempadan dan perairan negara mudah dibolosi oleh mereka secara haram. Salah satu sababnya ialah wujudnya tekong darat dan laut samada dari golongan mereka sendiri ataupun penduduk tempatan yang menjalankan kegiatan ini semata-mata kerana tamakkan wang ringgit.

1.4.1.3 EKONOMI YANG RENDAH DI NEGARA SENDIRI

Bagi negara Malaysia khususnya, kemakmuran ekonomi seringkali dijadikan alasan untuk menjelaskan mengapa negara ini menarik perhatian ramai rakyat Indonesia dan Filipina malah termasuk juga negara-negara yang mengalami taraf ekonomi yang gawat.

Sejak berlakunya kegawatan ekonomi di rantau Asia ini yang menyebabkan jatuhnya nilai mata wang negara-negara dunia ketiga, dengan secara tidak langsung harga-harga barangan di pasaran meningkat dengan mendadak, maka ini juga merupakan salah satu faktor migrasi berlaku. Taraf kehidupan semakin tinggi jadi sebagai alternatifnya mereka terpaksa mencari rezeki untuk menampung perbelanjaan keluarga masing-masing, memandangkan taraf ekonomi negara mereka yang rendah maka wujudlah migrasi ke negara-negara yang menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada mereka.

Bilangan penduduk yang ramai dengan pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang di negara asal mereka, menyebabkan golongan ini terpaksa mencari alternatif lain untuk meneruskan kehidupan. Oleh itu jalan yang paling mudah ialah merebut kesempatan yang ada di negara yang menjanjikan pendapatan yang lumayan.

1.4.1.4 SOSIOBUDAYA

Sebenarnya faktor sosiobudaya juga memainkan peranan utama menyebabkan pendatang Indonesia semakin bertambah dari hari ke hari ke negara kita. Bahkan boleh dikatakan faktor sosiobudaya ini memainkan peranan yang sama pentingnya dengan faktor ekonomi, menjadi daya tarikan kepada pendatang Indonesia ini.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahman Embong (penyunting). *Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. 2000. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Ahmad Nizar Yaakub dan Ahi Sakor. *Perkembangan Politik-Ekonomi di Malaysia dan Asia Timur*. 2004. Universiti Malaysia Sarawak: Kota Samarahan
- Anuwar Ali dan Rajah Rasiah. *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Hapriza Ashari. *Undang-undang: Huraian dan Panduan Terhadap Akta Kerja 1955*. 2004. Universiti Teknologi Malaysia: Skudai
- Jamal Ali. *Ekonomi Malaysia: Satu Analisis Dasar*. 2003. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Katiman Rostam. *Migrasi ke Kawasan Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang*. 2005. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Mohd. Rosli Mohamad dan Mohamed Aslam Gulam Hassan. *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*. 2000: Universiti Malaya
- Mohd. Saffie Abdul Rahim. *Jepun di Borneo Utara: Migrasi dan Kegiatan Ekonomi 1881-1941*. 2007. Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu
- Mohd. Zhahir Kechot dan Mansor Jusoh (penyunting). *Ekonomi Malaysia: Menghadapi dan Menangani Cabaran*. 2000. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Syed Arabi Idid. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

MAJALAH

Dewan Massa. Keluaran Ogos 2002

JURNAL

Amarjit Kaur. *Migration Matters in the Asia-Pacific Region: Immigration Frameworks, Knowledge Workers and National Policies*. 2007. International Journal on Multicultural Societies



Amarjit Kaur dan Ian Metcalfe. *Thematic Introduction: Migration Challenges in the Asia Pacific Region in the Twenty-First Century*. 2007. International Journal on Multicultural Societies

Micheal Leigh. *The Contested Basis of Nationhood: Key Issues When Analysing Labour Flows in Southeast Asia*. 2007. International Journal on Multicultural Societies

Tessa Morris-Suzuki. *Cross-Border Migration and East Asian Regional Integration*. 2007. International Journal on Multicultural Societies

AKHBAR

Utusan Malaysia. Keluaran 22 Jun 1995

